

Dana Pinjaman Pelajar TAR UMT – Bantuan Penting Untuk Pelajar



Sheryl Ho Xin Yi

Di Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology (TAR UMT), kami berpegang teguh bahawa setiap individu harus mempunyai peluang yang sama untuk menerima pengajian tinggi yang berkualiti dan berkemampuan, termasuk pelajar daripada keluarga yang kurang berkeupayaan. Pihak Universiti sentiasa menawarkan pelbagai bantuan kewangan kepada pelajar untuk meringankan beban kewangan ibubapa mereka. Ini amat penting terutamanya selepas pandemik Covid-19. TAR UMT menyediakan pelbagai bantuan kewangan untuk pelajar TAR UMT. Salah satu daripadanya adalah Dana Pinjaman Pelajar TAR UMT.

Dana ini adalah antara pilihan utama para pelajar kerana ini merupakan pinjaman tanpa faedah dan ia merangkumi yuran pembelajaran sepenuhnya. Sehingga kini, terdapat 119 dana pinjaman pelajar berpusingan tanpa faedah. Sejak penubuhannya pada tahun 1979, hampir 15,000 pinjaman tanpa faedah telah diberikan setakat ini, di mana lebih daripada RM57 juta telah diedarkan.



Kishern A/L Asok Kumar

Di antara penerima Dana Pinjaman Pelajar TAR UMT adalah Sheryl Ho Xin Yi yang telah menerima bantuan kewangan daripada Dana Pinjaman Pelajar TARC – Toh Kim Eng. “Sejak menerima bantuan kewangan ini, saya tidak lagi risau mengenai pembayaran yuran semester baru. Saya masih bekerja kerja sambil dari masa ke semasa untuk menambah wang saku. Namun begitu, saya tetap bersyukur kerana pinjaman kewangan ini telah meringankan beban dan tekanan dan ini memberikan saya lebih banyak masa untuk berehat, membolehkan saya dapat menumpukan perhatian yang lebih baik dalam pelajaran saya,” Sheryl berkata.

Sheryl bergantung kepada ibu tunggalnya dan status kewangan keluarganya tidak begitu memberangsangkan ketika beliau berdaftar untuk belajar di TAR UMT. “Ibu saya berusaha sedaya upaya untuk membayar perbelanjaan makanan dan sewa, tetapi beliau tidak mampu untuk membayar yuran pengajian saya. Sebelum ini, saya cuba memohon untuk pinjaman pendidikan PTPTN tetapi permohonan saya tidak berjaya. Saya seterusnya mendapatkan nasihat daripada Unit Kaunseling di Jabatan Hal Ehwal Pelajar di TAR UMT dan mereka mencadangkan untuk saya memohon Dana Pinjaman Pelajar TAR UMT,” beliau menambah.

Satu lagi pilihan bantuan kewangan ialah Pelan Pembayaran Flexi PRIHATIN TAR UMT. Pelan ini memudahkan pelajar untuk membayar yuran semester pertama secara ansuran, di mana pelajar hanya perlu membayar yuran permulaan sebanyak RM263 untuk memulakan pengajian di TAR UMT. Baki yuran boleh dibayar secara berperingkat sehingga minggu ke-5 atau ke-9, bergantung kepada sesi pengambilan. Pelan ini ditawarkan untuk kemasukan ke Program Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda untuk semua sesi pengambilan tahun 2023.

Selain itu, terdapat pelbagai biasiswa dan dermasiswa untuk mereka yang berkelayakan. Di antaranya adalah ‘The Star Education Foundation’, ‘Sin Chew Daily Education Fund’, ‘Nanyang Tertiary Education Fund’, ‘TAR UMT – TAA Scholarship’, ‘TAR UMT – TAA Scholarship (Top Glove)’, ‘TAR UMT– JINBODHI Bursary’, ‘TAR UMT Sports Scholarship’ dan dermasiswa untuk pemain peringkat negeri atau kebangsaan. Di samping itu, pelbagai syarikat korporat dan organisasi turut membantu pelajar berkelayakan dengan menawarkan biasiswa dan geran, seperti ‘Yayasan Ann Joo Undergraduate Scholarship’, Hotayi Scholarship, ‘Kuok Foundation Study Grants’ dan ‘C Y Tan Foundation’.

Kishern A/L Asok Kumar adalah salah seorang penerima dermasiswa TAR UMT-Jinbodhi. “Saya berjaya memperoleh dermasiswa ini sepanjang tempoh empat tahun pengajian saya daripada peringkat diploma sehingga ijazah sarjana muda. Saya mendaftar untuk bantuan kewangan ini melalui Jabatan Hal-Ehwal Pelajar TAR UMT. Kemudiannya, saya telah dipilih untuk proses temuduga di mana saya perlu menjelaskan sebab saya begitu memerlukan bantuan tersebut. Dan saya amat bersyukur apabila diberitahu permohonan saya telah diluluskan.” “Pada mulanya, saya teragak-agak untuk memohon dermasiswa ini tetapi saya tidak dapat menanggung kekangan kewangan yang saya hadapi. Merenung kembali, saya berasa lega atas keputusan saya kerana saya dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pembelajaran dan tidak perlu melakukan kerja sambil untuk menampung perbelanjaan harian. Situasi ini banyak membantu pembelajaran saya di universiti,” ujar Kishern.

Pelajar yang mendapat keputusan cemerlang boleh mendapat manfaat daripada Biasiswa Merit TAR UMT. Biasiswa ini boleh merangkumi pembayaran yuran pembelajaran sehingga 100% dan akan ditawarkan secara automatik berdasarkan pencapaian akademik pelajar.

Sehingga kini, 62,778 pelajar telah diberikan biasiswa merit dengan jumlah nilai sekurang-kurangnya RM186.5 juta.

TAR UMT juga menawarkan insentif kewangan lain seperti ‘sibling discount’ untuk meringankan beban kewangan ibubapa yang mempunyai dua atau lebih anak yang belajar di TAR UMT. Di bawah insentif ini, pendaftaran pelajar baru yang mempunyai abang atau kakak yang merupakan pelajar TAR UMT di semester sama yang telah membuat bayaran penuh, boleh mendapat diskaun RM1,000 untuk yuran semester pertama mereka.

Untuk maklumat lanjut mengenai program-program TAR UMT atau untuk mendaftar atas talian, anda boleh melayari laman sesawang kami di www.tarc.edu.my. Anda juga boleh menghubungi 011 1087 5854.